

# Neither Stupid nor Crazy, I Just Want My Existence To Be Known

"Neither Stupid nor Crazy, I Just Want My Existence To Be Known" adalah karya hibrid, gabungan seni fizikal, archival art, interactive art dan media baru. Ianya direka fleksibel agar tidak terikat dengan mana-mana tema ataupun lokasi pada umumnya.

Walaupun begitu, keseluruhan karya ini juga adalah bersifat peribadi yang merakamkan perjalanan seni saya sebagai seorang perkarya batik dan kini bertugas sebagai seorang konservator tekstil.

Karya ini juga diharap untuk mencetuskan dialog di antara seni-seni yang dianggap tipikal dan teknologi yang bersifat semasa, juga dialog antara pengkarya dan khalayak dalam norma baru.

Mengambil kesempatan kesuraman pandemik yang melanda negara, karya ini juga direka agar dapat mencetuskan interaksi serta perasaan gembira dan mengurangkan tekanan dikalangan khalayak.

Kesemua elemen-elemen dalam karya ini adalah gabungan "practice" saya sebagai seorang penghasil karya dan juga seorang pemuliharaan karya seni.

Penghasilan sejumlah besar kepingan hasil batik adalah sebagai tanda protes kepada ungkapan "Stupidity is repeating the same process but expecting different result". Proses pembuatan batik adalah proses yang sama untuk mana-mana hasil batik walaupun hasil corak dan warna akhirnya berbeza.

Di dalam konteks karya ini, penghasilan yang berulang-ulang dalam jumlah yang besar adalah dianggap "bodoh dan gila" untuk yang tidak memahami erti "talent and passion".

Perbuatan menghasilkan sejumlah besar karya dan menyimpannya di dalam kotak "archival" sebagai rujukan memori dan persediaan masa hadapan adalah simbolik kepada persediaan untuk menunjukkan bakat kepada dunia luar bila tiba masanya. "Keep doing and the world will see you" adalah kata-kata semangat yang masih dipegang sehingga hari ini.

Mengambil kira juga falsafah "Art without audience is not an art", penonjolan diri dan penerimaan masyarakat dan khalayak (audience) adalah amat penting. Walau bagaimanapun, tidak semua perkarya seni diiktiraf dan dikenali umum. Mengambil kira kepentingan isu ini pelbagai usaha untuk berinteraksi dengan audience juga diterapkan didalam karya ini.

Kesemua proses pembuatan karya dari awal hingga ke akhir akan dimuatnaik ke laman sosial media sebagai satu cara untuk "archiving" dan juga berinteraksi bersama audience.. Pemberian karya-karya sokongan kepada khalayak ada sebagai satu usaha untuk mengalakkan interaksi dan dialog.

## **Keterangan Karya**

Pilihan yang hanya ada untuk perkarya seni yang masih setia dengan seni nya adalah sentiasa berkarya sementara menanti untuk dikenali umum. Dalam masa yang sama pengkarya harus sentiasa berusaha menonjolkan diri dan bersedia untuk menerokai segala ruang dan peluang yang ada.

## **Elemen dalam Karya.**

Terdapat tiga(3) elemen utama di dalam karya "Neither Stupid nor Crazy, I just Want My Existence To Be Known.

### 1)Karya Fizikal

- karya fizikal utama untuk karya ini adalah helaian fabrik batik yang dihasilkan dan beserta kotak archival
- karya fizikal utama juga direka agar boleh disambung bersama untuk menjadi karya yang besar.
- karya fizikal sokongan seperti poskad, helaian fabrik untuk edaran juga akan dihasilkan untuk menjayakan elemen "Khalayak/Audience"

### 3)Khalayak

- karya ini juga direka untuk berfungsi dgn kehadiran khalayak di samping menyahut seruan dan cabaran berkarya di "norma baru". Oleh itu berberapa laman sosial untuk memaparkan karya dan berinteraksi dgn khalayak akan diwujudkan.
- pemberian poskad buatan sendiri/helaian fabrik juga akan dilakukan. Ini adalah mengambil inspirasi dari fenomena "product review" yang diamalkan kini. Penerima akan memuat naik gambar poskad yg diterima ke laman sosial peribadi mereka sekali gus menjadi sebahagian daripada "Khalayak/Audience"
- gambar dan imej yang dimuat naik akan masukkan pula ke dalam elemen "media baru"

### 2)Media Baru

- satu atau lebih laman media sosial yang akan didaftarkan khas untuk karya ini juga akan dikira sebagai sebahagian "media baru" dia dalam karya tersebut.
- media baru lain di dalam karya ini termasuklah rakaman video proses pembuatan, foto dokumentasi, juga imej-"screenshot" dan pelbagai elemen digital lain yg dirasakan perlu.
- kesemua elemen ini akan di muat naik ke dalam laman-laman sosial yang didaftar khas untuk memaparkan imej-imej dan kandungan berkenaan karya.


## Karya Akhir

Karya akhir untuk "Neither Stupid nor Crazy, I Just Want My Existence To Be Known" ini adalah gabungan dari kesemua elemen-elemen yang diterangkan sebelum ini. Hasil penggabungan kesemua elemen ini adalah di dalam bentuk hibrid dan juga bersifat semasa.


Karya fizikal hasil dari pembuatan sejumlah besar batik yang dimuat di dalam kotak-kotak archival akan digabungkan dengan karya dari elemen "Khalayak" dan elemen "Media Baru" secara digital yang akan membentuk karya yg disifatkan sebagai "hybrid".

Senarai dan Format Karya Akhir.

- 1) helaian fabrik batik dan kotak archival(physical artwork)
- 2) kesemua elemen-elemen video dan gambar penting yang terlibat didalam penghasilan karya ini(new media).



Karya fizikal utama adalah 500 helaian fabrik batik berukuran 15cm x 21cm dan juga 5 buah kotak "archival". Kesemua kotak fabrik batik akan ditanda lengkap dengan label dan juga nombor siri.



Karya sokongan dalam bentuk poskad/helaian fabric akan dihasilkan dan diedarkan kepada umum. Penerima dikehendaki untuk memuat naik imej karya yang diterima.

## **Cadangan Pameran Karya.**

Dalam usaha untuk menyahut seruan dan cadangan untuk berkarya dalam norma baru dan juga meneroka ruang setempat, ungkapan "Art on Site" diterjemah kepada dua iaitu:

- 1) Seni di lokasi (secara fizikal)
- 2) Seni di dalam laman sosial media (social media site)

Berberapa cadangan pameran/gerakan akan diadakan secara berperingkat dan digabungkan pada akhirnya. Ini adalah kerana mengambil kira keadaan semasa pandemik dan juga persekitaran.

Berikut adalah cadangan pameran karya secara berperingkat:

### 1) Guerilla Art

- sebahagian daripada karya akan di pameran sementara di kawasan-kawasan terpilih secara rawak untuk tempoh waktu yang singkat. Tujuan utama perletakan karya adalah untuk fotografi.
- pameran karya secara "Guerilla" ini adalah bersifat sementara dan bersahaja serta tidak mengganggu ketenteraman awam. (Perbincangan dengan pihak berkuasa akan dilakukan bagi membolehkan karya dipamerkan untuk tempoh yg lebih lama)
- gambar-gambar perletakan karya akan didokumentasikan dan di muat naik ke laman sosial media.

### 2) Pameran secara "at your own place"


- karya sokongan seperti poskad dan juga kepingan kecil fabrik akan diberikan kepada umum untuk dihayati di rumah mereka sendiri.
- penerima perlu memuat naik gambar karya yang diterima mereka dan "screenshot" akan dimuatnaik ke laman sosial media.

### 3) Pameran secara maya di laman media sosial


- pameran secara maya adalah kemuncak kepada penghasilan karya ini.
- pilihan ini dirasakan sesuai pada era pandemik ini disamping mengalakkan interaksi lebih luas bersama khalayak.
- gabungan kesemua elemen-elemen dalam karya yang dirasakan menarik akan di muat naik ke laman sosial social media.



Pameran karya secara "guerilla" dirancang disekitar kKuala Lumpur dan taman-taman awam. Karya akan dipamerkan untuk tempoh waktu yang singkat. Tujuan utama adalah untuk fotografi yang kemudiannya akan dimuat naik ke media sosial.



Cubaan untuk mendapatkan kebenaran pihak berkuasa tempatan untuk mempamerkan karya lebih lama ditempat awam akan dilakukan. Kawasan sasaran adalah lorong-lorong seni sekitar Kuala Lumpur.



Kesemua imej dan video yang berkaitan dengan karya akan dimuat naik ke laman media sosial sebagai satu pameran secara maya. Ini termasuklah video proses penghasilan karya dan juga imej-imej "screenshot" daripada penerima karya sokongan.